

RUN FOR ART 2026 - SK TASIK PUTERI 2

PERATURAN & GARIS PANDUAN

1. PERATURAN UMUM

Penganjur **berhak** meminda atau menggantikan mana-mana peraturan program ini dari masa ke masa jika difikirkan sesuai.

Sekiranya terdapat kekeliruan dalam mana-mana klausa, pihak penganjur adalah autoriti utama untuk membuat tafsiran.

Penganjur berhak menghentikan penyertaan peserta jika gagal mematuhi peraturan.

Segala pertikaian berkaitan penyertaan dalam Run For Art 2026 (RFA 2026) akan dirujuk mengikut undang-undang Malaysia.

Sekiranya berlaku keadaan luar jangka, penganjur berhak menukar format program termasuk ke acara '**Virtual Run**'.

2. PENDAFTARAN

Penganjur **tidak bertanggungjawab** terhadap sebarang maklumat pendaftaran yang tidak lengkap.

Semua penyertaan adalah berdasarkan prinsip "**siapa cepat dia dapat**" sehingga kuota penuh.

Run For Art 2026 (RFA 2026) terbuka kepada:

Warganegara Malaysia (IC/Pasport sah).

Warga asing dengan pas kerja/residen sah.

Umur kelayakan dikira pada 31 Disember 2026.

Peserta bawah 12 tahun mesti mendapat kebenaran ibu bapa dan digalakkan ditemani penjaga berdaftar.

Yuran penyertaan adalah tidak boleh dipulangkan, tidak boleh dipindah milik, dan tidak boleh ditangguh.

Nombor bib tidak boleh dipindahkan. Peserta yang menggunakan nombor bib orang lain akan dibatalkan.

Pertukaran kategori selepas pengesahan **tidak dibenarkan.**

Penganjur berhak menolak mana-mana penyertaan tanpa alasan.

Penutupan penyertaan boleh dibuat lebih awal tanpa notis sekiranya kuota penuh.

Melengkapkan borang pendaftaran bermaksud peserta bersetuju dengan semua peraturan.

Peserta bersetuju menerima komunikasi rasmi daripada penganjur melalui e-mel, grup *whatsapp* rasmi RFA 2026 atau media sosial.

3. HAK PESERTA

Setiap peserta berhak menerima:

T-Shirt RFA 2026 (Peserta 4KM dengan bayaran RM65 dan Peserta 7KM)

Nombor Bib Rasmi

Medal Penyertaan (*Finisher*)

Goodies Bag *Jika ada

Sijil penyertaan (*Digital*)

4. PENGAMBILAN KIT (RACEKIT COLLECTION)

Tarikh & lokasi rasmi pengambilan kit akan diumumkan melalui laman web & media sosial PIBG SKTP2.

Peserta wajib membawa slip pengesahan pendaftaran & IC/pasport semasa mengambil kit.

Pertukaran saiz T-shirt **tidak dibenarkan** semasa pengambilan.

Tiada pengambilan kit pada hari program. Peserta luar kawasan disarankan memilih opsyen pos (jika tersedia).

Peserta yang gagal hadir dalam masa ditetapkan boleh menghubungi penganjur dalam tempoh 2 minggu selepas program untuk ambil kit (selepas tempoh tersebut ia akan dianggap luput).

5. PADA HARI PROGRAM

Peserta **wajib** memakai **T-shirt rasmi & bib** sepanjang larian.

Semua peserta mesti mematuhi laluan yang ditetapkan.

Peserta digalakkan menjaga jarak & tidak menghalang peserta lain.

Tidak dibenarkan membawa haiwan peliharaan, basikal, kasut roda, *stroller*, atau kenderaan beroda lain (kecuali kenderaan pengiring rasmi & perubatan).

Peserta perlu berada dalam keadaan **kesihatan baik**. Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang akibat kecederaan, kehilangan atau kerosakan yang berlaku sepanjang program dijalankan.

Peserta yang tidak mampu meneruskan larian atas faktor kesihatan boleh dibawa keluar oleh pasukan keselamatan/perubatan

Penganjur berhak membatalkan/menangguhkan acara jika berlaku cuaca buruk atau hal luar jangka. **Tiada bayaran balik akan dibuat.**

6. PENANGGUHAN / PEMBATALAN

Jika acara ditunda atau dibatalkan kerana arahan pihak berkuasa, keadaan cuaca, bencana atau faktor luar kawalan, penganjur tidak bertanggungjawab terhadap di atas sebarang tuntutan.

Segala keputusan berkaitan bayaran balik (jika ada) adalah hak mutlak penganjur.

Sumbangan penyertaan adalah diserahkan sepenuhnya bagi tujuan mencapai objektif program; Mengumpul dana naik taraf Bilik Seni SK Tasik Puteri 2.

7. HAK PENGGUNAAN MEDIA

Penganjur berhak menggunakan gambar, video, rakaman atau sebarang dokumentasi peserta untuk tujuan promosi, laporan & pengiklanan tanpa perlu sebarang bayaran atau kebenaran tambahan.

8. KESIHATAN & KESELAMATAN

Peserta dinasihatkan membuat pemeriksaan kesihatan sebelum menyertai.

Pasukan perubatan dan sukarelawan akan ditempatkan sepanjang laluan.

Penganjur **tidak menyediakan insurans asas** untuk peserta, tetapi peserta digalakkan mempunyai perlindungan tambahan sendiri.